



# Penternak ikan ambil langkah awal hadapi Monsun Timur Laut

Oleh **Mohd Rafi Mamat** - November 22, 2022 @ 9:27am  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Penternak ikan sangkar di Sungai Pahang di Kampung Langgar mengikat sangkar mereka bagi menghadapi Monsun Timur Laut. - Foto NSTP/Rafi Mamat

KUANTAN: Jabatan Perikanan Pahang mengingatkan kepada 1,262 penternak ikan sangkar di negeri ini supaya bersedia lebih awal menghadapi Monsun Timur Laut bagi mengelak berlaku kerugian.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar, berkata rekod pihaknya mendapati terdapat lebih 13,025 unit sangkar petak ikan air tawar sepanjang Sungai Pahang dan beberapa sungai utama lain.

Beliau berkata, terdapat sebanyak 341 unit petak sangkar ikan air payau di daerah ini dan Rompin membabitkan seramai 14 penternak.

Katanya, setiap kali tiba Monsun Timur Laut, pihaknya akan mengeluarkan peringatan kepada semua penternak ikan sangkar supaya mengambil tindakan bagi mengelak berlaku kerugian sekiranya banjir melanda negeri ini.

"Langkah pertama perlu dilakukan penternak ialah dengan memastikan ikatan sangkar berada dalam keadaan kuat dan kukuh supaya tidak mudah dihanyut arus deras air sungai. Guna tali bersaiz besar selain kabel besi.

"Ikan yang mencapai saiz sesuai untuk dijual perlu segera dipasarkan dan menanggungkan kemasukan benih baharu kerana anak ikan boleh mati apabila banjir berlaku," katanya, di sini semalam.

Beliau berkata, penternak perlu sentiasa memantau sangkar mereka apabila paras air sungai meningkat dan ketika banjir berlaku, awasi balak dan timbunan kayu yang hanyut supaya tidak melanggar sangkar.

Abdullah berkata, jabatan tidak ingin melihat setiap kali Monsun Timur Laut melanda negeri ini penternak ikan menanggung kerugian apabila sangkar mereka musnah selain ikan mati dan terlepas apabila sangkar pecah.

Katanya, penternak juga perlu sentiasa peka dengan ramalan cuaca dan perubahan paras air sungai supaya tindakan awal dapat dilakukan sekiranya banjir berlaku hingga menyebabkan paras air sungai meningkat dan berlaku arus deras.

Beliau berkata, jabatan juga mengingatkan kepada penternak supaya sentiasa mementingkan keselamatan, pakai jaket keselamatan sepanjang berada operasi di sangkar dan menaiki bot.

"Tahun lalu pengeluaran ikan daripada subsektor akuakultur di Pahang merekodkan sebanyak 16,774 tan bernilai kira-kira RM268 juta menjadikan negeri ini pengeluar tertinggi di Pantai Timur.

"Justeru kita berharap kedudukan berkenaan dapat terus kekal dan ancaman utama sektor perikanan darat dan laut ialah Monsun Timur Laut," katanya yang sentiasa berusaha menambah pengeluaran ikan di negeri ini.